

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 18.5.2016

SOALAN :

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membina bangunan kekal SMK Bongkol, Pitas yang mana sekolah ini masih menumpang di bangunan SK Bongkol sejak sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Gantian Penuh SMK Bongkol, Pitas telah mendapat kelulusan dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2016 dan Jabatan Kerja Raya Malaysia merupakan agensi yang akan melaksanakan projek berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlaksanaan pembinaan projek SMK Bongkol akan dimulakan setelah proses perlantikan perunding, pelan reka bentuk, kelulusan pelan pembangunan dan proses tender terbuka dilaksanakan. KPM menjangkakan Projek Gantian Penuh SMK Bongkol boleh dimulakan pada awal tahun 2018.